

PENGARUH KEFUNGSIAN KELUARGA TERHADAP TINGKAH LAKU DEVIAN DALAM KALANGAN BELIA DI MALAYSIA

***Yaakob Daud, Yahya Don, Mohd Isha Awang,
Siti Hajar Mohamad Yusof & Shukri Zain***

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) begitu serius dalam usaha melahirkan golongan belia yang berilmu pengetahuan, bersemangat muhibbah, dan berkeperibadian tinggi. Semua ini dapat dicapai dengan pembentukan generasi yang stabil dan seimbang dalam pelbagai segi sama ada dari segi jasmani, intelektual, kognitif, emosi, dan rohani. Hampir semua pendidik moden mengakui bahawa pendidikan belia bukan sekadar tertumpu di institusi pendidikan yang melibatkan hafalan fakta-fakta tertentu, angka, kemahiran, dan pengalaman tertentu, malah ia merupakan pembangunan yang terbentuk melalui pengetahuan dan pengalaman mereka serta proses perhubungan dalam sesebuah keluarga yang mampu berfungsi dengan baik atau sebaliknya (Zainah et al., 2013).

Seiring dengan hasrat kerajaan membangunkan golongan belia, maka penelitian Hall et al., (2001) yang mengatakan bahawa peringkat awal belia adalah masa yang penuh dengan kekeliruan, kesedihan dan konflik wajar diberi perhatian oleh pelbagai pihak, khususnya apabila kebanyakan jenayah dan salah laku yang sering diperkatakan dewasa ini melibatkan golongan ini. Belia yang bertingkah laku devian lazimnya mengalami penyimpangan kognitif seperti menyalahkan diri, mengkritik diri, tidak berdaya, berputus asa dan terlalu memikirkan bahaya terhadap tindakan yang dilakukan atau yang akan dilakukannya (Zainah et al., 2013). Ini dialami oleh mereka apabila pemikiran sedar dan spontan mereka itu dikaitkan dengan pengaruh negatif yang wujud di sekeliling mereka, seperti keluarga dan tekanan seharian yang mana itu sama sekali tidak dapat dihindari kerana merupakan keperluan mereka untuk hidup dalam kelompok sosial (Leahy, 1996). Justeru, bagi mencapai hasrat kerajaan dalam membangunkan golongan belia yang seimbang dalam pelbagai aspek serta mengurangkan masalah tingkah laku devian yang sering diperkatakan kini, maka aspek kefungsi keluarga yang dialami oleh mereka yang bertingkah laku devian ini perlu diberi perhatian.

Oleh kerana hasrat kerajaan untuk membangunkan negara amat bergantung kepada pembentukan modal insan golongan belia, maka Indeks Belia Malaysia (2015) telah mengambil inisiatif dengan membangunkan 12 domain dan 58 indikator utama untuk mengukur tahap kesejahteraan hidup belia, antaranya ialah Domain Hubungan Sosial yang secara langsung menekankan aspek kefungsi keluarga dalam pembangunan sosial seseorang individu, serta Domain Tingkah Laku Devian yang banyak dibincangkan sejak kebelakangan ini, khususnya melibatkan golongan belia. Justeru, skor Indeks Belia Malaysia 2015 telah mendapati bahawa kedua-dua domain tersebut berada pada tahap yang terkawal dan sangat memuaskan. Antara aspek yang dikenalpasti menyumbang kepada masalah tingkah laku devian dalam kalangan belia ialah corak interaksi keluarga (Barnett, 2004), kesepaduan dalam keluarga (Azaman, 2003) dan kefungsi keluarga yang baik (Zainah et al., 2013).

PENYATAAN MASALAH

Tenaga dan kemahiran golongan belia amat diperlukan oleh negara untuk mencapai Wawasan 2020. Namun, dewasa ini, golongan belia terpalit dengan isu tidak produktif seperti melepak, mencuri, menagih dadah, ponteng sekolah, dan terlibat dengan pelbagai gejala sosial (Badrulzaman & Azizi, 2006, Zainah et al., 2013). Semua ini dipanggil sebagai tingkah laku devian yang dianggap menyimpang dan tidak dapat diterima oleh masyarakat dari sekecil-kecil perkara seperti ponteng sekolah dan melawan guru, sehingga kepada salah laku yang lebih serius seperti pergaulan bebas, pelacuran, penyalahgunaan dadah, dan menyerang fizikal sering diperkatakan, dan kebanyakannya melibatkan golongan belia (Azizah et al., 2015; Fauziah et al., 2012). Situasi ini dilihat berpotensi merencatkan visi dan misi negara.

Menurut Barnett (2004), belia lazimnya berkelakuan sedemikian apabila menghadapi tekanan, dan apa yang diperlukan oleh mereka ialah interaksi yang baik dalam keluarga. Hal ini kerana, interaksi yang baik antara ahli keluarga mampu memberi sokongan emosi kepada belia dan seterusnya akan menghindarkan mereka dari melakukan perbuatan salah laku (Barnett, 2004; Samsiah et al., 2015). Di sini, keluarga dilihat berfungsi sebagai kelompok sosial yang merupakan faktor utama kepada perkembangan belia, dan kefungsi keluarga yang baik adalah penentu kepada pembangunan belia (Amoateng & Richter, 2007; Brian Abraham Rogi, 2015). Masalah tingkah laku devian yang melibatkan golongan belia pastinya tidak dapat lari dari tekanan serta penyimpangan kognitif yang dialami oleh mereka (Zainah et al., 2013). Keadaan ini bukan sahaja mendatangkan kesan buruk kepada diri belia terbabit, malah turut memberi impak negatif kepada pembangunan masyarakat dan negara. Hal ini kerana hasrat kerajaan untuk meningkatkan pembangunan negara amat bergantung kepada golongan belia. Oleh itu, peningkatan kognitif dan tingkah laku yang positif adalah antara indikator utama dalam pembangunan belia (Fauziah, et al., 2012; Regoli & Hewitt, 1991).

Kerap kali juga isu permasalahan belia terpampang di dada akhbar dan media elektronik sama ada di negara luar mahupun dalam negara (Fauziah et al., 2012; Regoli & Hewitt, 1991). Kebanyakan mereka yang terlibat dengan permasalahan sosial ini mempunyai sebab tertentu seperti kurang mendapat perhatian keluarga, tidak cemerlang dalam pelajaran, serta terdiri daripada belia dan remaja bersifat agresif, berani, dan liar. Apa yang dibimbangkan ialah apabila masalah yang dialami oleh belia telah mengheret mereka ke dalam satu keadaan diri yang tertekan yang mana mengakibatkan mereka tidak dapat berfikir secara positif dan mengalami penyimpangan kognitif sehingga mengambil keputusan untuk terjebak dengan pelbagai aktiviti yang tidak sihat (Fauziah et al., 2012). Ini seringkali dialami oleh golongan belia apabila sistem kognitif mereka dikaitkan dengan unsur negatif yang wujud di sekitar mereka, di mana situasi ini perlu dihadapi oleh mereka bagi meneruskan kehidupan yang pastinya melibatkan kelompok sosial tertentu (Leahy, 1996). Namun sehingga kini, punca berlakunya gejala ini masih menjadi pertanyaan banyak pihak (Zainah et al., 2013). Antara persoalan yang timbul adalah berkaitan bentuk kefungsi keluarga dalam kalangan belia yang terlibat dengan tingkah laku devian, khususnya dari aspek penyimpangan kognitif yang wujud dalam diri mereka yang terlibat dengan masalah tingkah laku ini. Pada masa yang sama, keluarga dilihat berfungsi sebagai kelompok sosial yang merupakan faktor utama kepada perkembangan belia, dan institusi keluarga yang dapat berfungsi dengan baik adalah penentu kepada pembangunan belia (Amoateng & Richter, 2007). Ini kerana fungsi keluarga mempunyai pengaruh yang tersendiri ke atas pembentukan tingkah laku belia, khususnya yang berusia 17 hingga 30 tahun. Justeru, kajian ini dilaksanakan bagi mengenalpasti sejauhmana kefungsi keluarga mampu mempengaruhi tingkah laku devian dalam kalangan belia di Malaysia.

Antara faktor psikologi yang dilihat mampu memberi pengaruh besar kepada masalah tingkah laku devian adalah dari sudut emosi dan kognitif. Menurut Badrulzaman dan Azizi (2006) emosi negatif terhasil daripada sistem kekeluargaan yang tidak dapat berfungsi dengan baik sehingga menyebabkan tekanan dan wujud hubungan yang longgar antara ahli dalam sesebuah keluarga. Golongan belia biasanya amat sukar mengakui bahawa mereka mempunyai masalah, dan adalah sukar untuk mereka berkongsi tekanan yang dihadapi dengan ahli keluarga apabila sistem keluarganya tidak berfungsi

dengan baik. Seterusnya, bagi individu yang tidak mampu berfikir secara positif, mereka cenderung untuk bertindak laku negatif di samping mengelak dari memikul tanggungjawab atas apa yang mereka lakukan, sebaliknya menuding jari menyalahkan pihak lain apabila berhadapan dengan masalah (Mitchell & Jolley, 2004). Selain daripada itu, konflik keluarga juga boleh menjadi faktor penyebab tekanan yang boleh membawa kepada tingkah laku devian. Tekanan perasaan dan tekanan kognitif yang dihadapi akan mendorong belia melepaskan geram dengan melakukan pelbagai bentuk tingkah laku devian. Oleh kerana telah banyak kajian lalu yang membincangkan berkaitan bentuk tingkah laku devian, maka aspek kajian dalam bab ini memfokuskan bentuk pemikiran iaitu penyimpangan kognitif yang dialami oleh mereka yang bertindak laku devian.

SKOP KAJIAN

Skop kajian adalah untuk meneliti demografi belia yang terlibat dalam tingkah laku devian serta sejauh mana wujudnya hubungan antara kefungsian keluarga dengan tingkah laku devian dalam kalangan belia di Malaysia. Di samping itu, kajian ini juga membincangkan bagaimanakah kefungsian keluarga ini mampu mempengaruhi tingkah laku devian belia di Malaysia.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif utama kajian adalah untuk meneliti pengaruh kefungsian keluarga terhadap tingkah laku devian dalam kalangan belia di Malaysia. Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk:

1. Meneliti tahap tingkah laku devian belia Malaysia;
2. Meneliti perbezaan tingkah laku devian belia berdasarkan faktor demografi (zon, jantina, umur, bangsa, banyak menghabiskan masa bersama siapa, tinggal bersama siapa, dan taraf pendidikan);
3. Meneliti perbezaan kefungsian keluarga belia berdasarkan dua faktor demografi (banyak menghabiskan masa bersama siapa, tinggal bersama siapa);
4. Meneliti hubungan yang wujud antara kefungsian keluarga dengan tingkah laku devian dalam kalangan belia;
5. Meneliti pengaruh kefungsian keluarga terhadap tingkah laku devian dalam kalangan belia.

SOROTAN LITERATUR

Kefungsian keluarga merujuk kepada sistem kekeluargaan yang berlandaskan perkahwinan, yang di dalamnya wujud komunikasi di antara setiap ahlinya serta wujud kejelekitan dan kebolehsuaian dalam menangani sesuatu keadaan (Olson et al., 1984). Sementara menurut Badrulzaman dan Azizi (2006), tingkah laku devian bermaksud tingkah laku yang melanggar peraturan atau tingkah laku yang tidak dapat diterima oleh masyarakat. Sejak dahulu, keluarga dikatakan mampu memberikan pengaruh yang amat besar kepada tingkah laku, sikap dan pemikiran seseorang belia (Hoffman, 1996). Menyentuh perihal pelajar yang cenderung bertindak laku devian, kajian Rohany et al., (2011) berkaitan kefungsian keluarga, harga diri dan penyimpangan kognitif terhadap kemurungan dalam kalangan pelajar yang bertindak laku devian mendapati kefungsian keluarga mempunyai hubungan yang signifikan dengan gangguan kognitif yang menyumbang kepada masalah tingkah laku devian dalam kalangan responden kajian.

Terkini, kajian Hejrati dan Parsamehr (2015) mendapati peranan kefungsi keluarga dalam menyelesaikan sesuatu masalah yang timbul serta gaya penglibatan ahlinya secara efektif dapat membantu meningkatkan kemampuan belia menghadapi tekanan psikologi semasa yang dihadapi. Malah, kajian oleh Sham Sani Salleh (1994) juga mendapati bahawa tingkah laku devian turut dikaitkan dengan tingkah laku dan struktur yang wujud dalam sesebuah keluarga. Kajian Jamie (2011) pula mendapati bahawa keseriusan masalah tingkah laku devian yang berlaku dalam kalangan belia perlu ditangani dengan memberi perhatian kepada faktor psikologi yang dapat meningkatkan ketahanan diri pelajar. Kesemua hasil kajian dan kenyataan ini memperlihatkan terdapatnya hubungan yang wujud antara kefungsi keluarga dengan tingkah laku devian dari aspek penyimpangan kognitif dalam diri seseorang individu.

KAEDAH PENYELIDIKAN

Rekabentuk dan Populasi Kajian

Kajian ini berbentuk kuantitatif. Pendekatan tinjauan keratan rentas digunakan bagi mendapatkan profil responden menerusi borang soal selidik yang dijawab oleh responden. Populasi bagi kajian ini ialah pelajar Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) di seluruh Malaysia. Ini merangkumi 6 zon iaitu zon utara (Perlis), zon timur (Terengganu), zon tengah (Selangor), zon selatan (Johor), Sabah, dan Sarawak. Memandangkan populasi adalah terlalu besar iaitu sebanyak 16,823 orang, maka persampelan rawak mudah digunakan bagi memilih 6 buah IKBN yang terlibat, manakala persampelan berkelompok pula digunakan bagi memilih sampel kajian ini.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu:

1. **Bahagian A:** Soal selidik berkaitan maklumat demografi responden (jantina, umur, bangsa, penempatan, kekerapan meluangkan masa, tinggal bersama siapa, taraf pendidikan);
2. **Bahagian B:** Soal selidik *Family Adaptability and Cohesion Evaluation Scales III (FACES III)* yang dibangunkan oleh Olson et al., (1993) bagi mengukur kefungsi keluarga yang merangkumi persepsi ahli keluarga dari aspek kebolehsuaian (*adaptability*) dan kejelekitan (*cohesion*) berdasarkan *Circumplex Model*.
3. **Bahagian C:** Soal selidik *Cognitive Distortion Scale (CDS)* (Briere, 2000) yang digunapakai oleh Zainah et al. (2013) bagi mengenal pasti ketidakfungsi atau kesan negatif tret personaliti.

Kajian Rintis

Penyelidik telah menggunakan 30 orang responden dari IKBN Kedah di mana menurut (Anastasi & Urbina, 1997) jumlah ini mencukupi untuk menghasilkan satu analisis yang jitu. Pemboleh ubah kefungsi keluarga yang berasaskan inventori FACES III menunjukkan nilai alpha yang tinggi iaitu $\alpha = .89$, dan begitu juga bagi dimensinya iaitu dimensi kohesi ($\alpha = .88$) dan kebolehsuaian ($\alpha = .91$). Pemboleh ubah tingkah laku devian yang dilihat dari aspek penyimpangan kognitif turut mempunyai nilai alpha yang tinggi iaitu $\alpha = .95$. Nilai alpha bagi dimensinya iaitu skala kritik diri, menyalahkan diri, tidak berdaya, tiada harapan, dan memikirkan sesuatu yang berbahaya pula masing-masing adalah $\alpha = .96, .97, .95, .87$, dan $.89$. Secara keseluruhannya, nilai-nilai alpha yang diperoleh ini adalah memuaskan dan boleh diterima pakai dalam konteks kajian kuantitatif (Johnson & Christensen, 2005).

HASIL DAPATAN


Jadual 4.1 menunjukkan dapatan deskriptif tahap tingkah laku devian yang dialami oleh responden, yang melibatkan lima dimensi. Secara keseluruhannya, didapati tingkah laku devian responden berada pada tahap yang rendah (min = 1.96). Jadual juga menjelaskan bahawa dimensi memikirkan sesuatu yang bahaya (min = 2.26) juga berada pada tahap yang rendah, diikuti dimensi menyalahkan diri (min = 2.10) yang juga berada pada tahap rendah. Begitu juga bagi dimensi tidak berdaya (min = 1.96), dimensi kritik diri (min = 1.88), dan dimensi tiada harapan, masing-masing berada pada tahap yang rendah (min = 1.59).

Jadual 4.1: Tahap Tingkah Laku Devian Belia Malaysia

Dimensi Tingkah Laku Devian	Min	SP
Kritik Diri	1.88	0.71
Menyalahkan Diri	2.10	0.75
Tidak Berdaya	1.96	0.71
Tiada Harapan	1.59	0.69
Memikirkan Sesuatu yang Berbahaya	2.26	0.72
Tingkah Laku Devian	1.96	0.64

Rajah 4.1 menunjukkan secara keseluruhannya, didapati sebanyak 46.30% responden mengaku tidak pernah terlibat dengan tingkah laku devian, 25.28% amat jarang terlibat, 19.80% kadang-kala terlibat, 6.71% agak kerap terlibat, dan 2.61% lagi sangat kerap terlibat dengan tingkah laku devian. Malah, kesemua dimensi (kritik diri, menyalahkan diri, tidak berdaya, tiada harapan, dan memikirkan sesuatu yang berbahaya) menunjukkan majoriti responden mengakui tidak pernah terlibat, diikuti dengan amat jarang terlibat, kadang-kala terlibat, agak kerap terlibat, dan sangat kerap terlibat dengan tingkah laku devian. Walau bagaimanapun, paling banyak responden tidak pernah terlibat adalah dalam dimensi tiada harapan (62.27%), dan paling sedikit responden amat jarang terlibat adalah juga pada dimensi tiada harapan (1.25%).

Rajah 4.1: Peratus Kekerapan Penglibatan Belia dalam Dimensi Tingkah Laku Devian




Jadual 4.2 menunjukkan perbezaan penglibatan belia dalam tingkah laku devian berdasarkan demografi. Dapat diperhatikan bahawa wujud perbezaan yang signifikan bagi penglibatan belia dalam tingkah laku devian berdasarkan faktor zon ($F = 49.62$; $p < .05$); umur ($F = 105.57$; $p < .05$); bangsa ($F = 11.91$; $p < .05$); banyak menghabiskan masa bersama ($F = 4.49$; $p < .05$); tinggal bersama ($F = 45.41$; $p < .05$); dan taraf pendidikan ($F = 4.11$; $p < .05$). Manakala tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi penglibatan belia dalam tingkah laku devian berdasarkan faktor jantina ($F = 0.39$; $p > .05$).

Jadual 4.2: Perbezaan Penglibatan Belia dalam Tingkah Laku Devian berdasarkan Demografi

	F	Sig.
Zon	49.62	.001
Jantina	0.39	.059
Umur	105.57	.001
Bangsa	11.91	.001
Banyak Menghabiskan Masa Bersama	4.49	.001
Tinggal Bersama	45.41	.001
Taraf Pendidikan	4.11	.006


Rajah 4.2 menunjukkan peratus kekerapan penglibatan belia dalam tingkah laku devian mengikut zon. Secara keseluruhan, majoriti responden di Zon Timur terlibat dengan tingkah laku devian (13.47%), diikuti responden di Zon Tengah (10.73%), Utara (10.32%), Selatan (8.49%), Sarawak (4.69%), dan Sabah (4.28%). Bagi dimensi kritik diri, majoriti responden di Zon Timur terlibat dengan tingkah laku devian (15.27%), diikuti responden di Zon Tengah (14.45%), Utara (10.84%), Selatan (8.88%), Sabah (4.08%), dan Sarawak (2.00%). Bagi dimensi menyalahkan diri pula, majoriti responden di Zon Timur terlibat (18.10%), diikuti responden di Zon Utara (14.86%), Selatan (13.31%), Tengah (12.99%), Sabah (4.70%), dan Sarawak (2.00%). Bagi dimensi tidak berdaya, majoriti responden di Zon Timur terlibat (12.25%), diikuti di Zon Tengah (9.82%), Utara (8.23%), Selatan (6.69%), Sabah (1.30%), dan Sarawak (1.03%). Dimensi tiada harapan menunjukkan majoriti responden di Zon Tengah terlibat (8.35%), diikuti di Zon Timur (7.70%), Utara (5.48%), Selatan (4.81%), Sabah (1.30%), dan Sarawak (1.03%) juga. Akhir sekali, bagi dimensi memikirkan sesuatu yang berbahaya, majoriti responden di Sarawak terlibat (17.40%), diikuti di Zon Timur (14.04%), Utara (12.18%), Sabah (10.02%), Selatan (8.75%), dan Tengah (8.66%).

Rajah 4.2: Peratus Kekerapan Penglibatan Belia dalam Tingkah Laku Devian mengikut Zon




Berdasarkan Rajah 4.3, dapat diperhatikan bahawa secara keseluruhan, majoriti responden lelaki (9.43%) terlibat dengan tingkah laku devian berbanding perempuan (9.04%). Jika diteliti, Dari segi dimensi kritik diri pula, majoriti responden lelaki (10.35%) terlibat berbanding perempuan (8.50%). Dari segi dimensi menyalahkan diri, majoriti responden lelaki (12.52%) terlibat berbanding perempuan (11.40%). Bagi dimensi tidak berdaya, majoriti responden lelaki (7.24%) terlibat berbanding perempuan (6.85%). Manakala bagi dimensi tiada harapan, majoriti responden lelaki (4.73%) terlibat berbanding perempuan (4.44%). Terakhir, bagi dimensi memikirkan sesuatu yang berbahaya, didapati majoriti responden perempuan (14.24%) terlibat berbanding lelaki (12.40%).

Rajah 4.3: Peratus Kekerapan Penglibatan Belia dalam Tingkah Laku Devian mengikut Jantina




Rajah 4.4 menunjukkan secara keseluruhannya, majoriti responden yang terlibat adalah berumur antara 16 hingga 20 tahun (12.03%), diikuti responden yang berumur antara 21 hingga 25 tahun (7.78%), dan akhir sekali 26 hingga 30 tahun (3.48%). Bagi dimensi kritik diri, majoriti responden yang terlibat adalah berumur antara 16 hingga 20 tahun (12.38%), diikuti oleh responden yang berumur antara 21 hingga 25 tahun (8.44%), dan akhir sekali oleh responden yang berumur antara 26 hingga 30 tahun (0.40%). Bagi dimensi menyalahkan diri, majoriti responden yang terlibat adalah berumur antara 16 hingga 20 tahun juga (15.21%), diikuti oleh responden yang berumur antara 21 hingga 25 tahun (10.95%), dan responden yang berumur antara 26 hingga 30 tahun (2.42%). Seterusnya, bagi dimensi tidak berdaya, majoriti responden yang terlibat adalah berumur antara 16 hingga 20 tahun juga (10.06%), diikuti oleh responden yang berumur antara 21 hingga 25 tahun (6.10%), dan responden yang berumur antara 26 hingga 30 tahun (0.29%). Begitu juga bagi dimensi tiada harapan, majoriti responden yang terlibat adalah berumur antara 16 hingga 20 tahun juga (6.87%), diikuti oleh responden yang berumur antara 21 hingga 25 tahun (2.84%), dan responden yang berumur antara 26 hingga 30 tahun (0.29%). Manakala, bagi dimensi memikirkan sesuatu yang berbahaya, majoriti responden yang terlibat adalah berumur antara 16 hingga 20 tahun juga (15.63%), namun diikuti oleh responden yang berumur antara 26 hingga 30 tahun (14%), dan akhir sekali oleh responden yang berumur antara 21 hingga 25 tahun (10.99%).

Rajah 4.4: Peratus Kekerapan Penglibatan Belia dalam Tingkah Laku Devian mengikut Umur



Rajah 4.5 menunjukkan peratus kekerapan penglibatan belia dalam tingkah laku devian mengikut bangsa. Dapat diperhatikan bahawa secara keseluruhannya, majoriti responden yang terlibat adalah berbangsa India (66.25%), diikuti oleh responden yang berbangsa Melayu (52.82%), Bumiputera Sarawak (26.22%), Bumiputera Sabah serta lain-lain bangsa masing-masing adalah sama (20.80%), dan paling sedikit adalah responden berbangsa Cina (11.79%). Seterusnya, bagi dimensi kritik diri, majoriti responden yang terlibat adalah berbangsa Melayu (10.17%), diikuti oleh responden yang berbangsa India (8.07%), Bumiputera Sarawak (4.54%), bangsa Cina (3.82%), dan Bumiputera Sabah (1.77%). Bagi dimensi menyalahkan diri, majoriti responden yang terlibat adalah berbangsa India (17.56%), diikuti oleh responden yang berbangsa Melayu (14.91%), Bumiputera Sarawak (5.73%), Bumiputera Sabah (2.64%), dan bangsa Cina (2.58%). Dari segi dimensi tidak berdaya pula, majoriti responden yang terlibat adalah berbangsa India (14.32%), diikuti oleh responden yang berbangsa Melayu (5.27%), bangsa Cina (2.26%), Bumiputera Sabah (1.63%), dan Bumiputera Sarawak (0.44%). Bagi dimensi tiada harapan, majoriti responden yang terlibat adalah berbangsa India (14.84%), diikuti oleh responden yang berbangsa Melayu (8.86%), bangsa Cina (1.74%), Bumiputera Sabah (1.19%), dan Bumiputera Sarawak (0.27%). Akhir sekali, bagi dimensi memikirkan sesuatu yang berbahaya, majoriti responden yang terlibat adalah berbangsa lain-lain (20.80%), diikuti oleh Bumiputera Sarawak (14.32%), bangsa Cina (13.89%), bangsa Melayu (13.61%), Bumiputera Sabah (13.45%), dan responden yang berbangsa India (11.46%).


Rajah 4.5: Peratus Kekerapan Penglibatan Belia dalam Tingkah Laku Devian mengikut Bangsa



Rajah 4.6 menunjukkan peratus kekerapan penglibatan belia dalam tingkah laku devian mengikut faktor banyak menghabiskan masa bersama siapa. Dapat diperhatikan bahawa secara keseluruhannya, majoriti responden yang terlibat dalam tingkah laku devian banyak menghabiskan masa bersendirian (13.49%), diikuti oleh responden yang menghabiskan masa bersama selain keluarga, rakan, atau bersendirian (10.73%), keluarga (9.13%), dan paling sedikit adalah bersama rakan (7.55%). Jika diteliti, bagi dimensi kritik diri, majoriti responden yang terlibat banyak menghabiskan masa bersama selain keluarga, rakan, atau bersendirian (16.67%), keluarga (9.21%), diikuti oleh responden yang menghabiskan masa bersama rakan (7.41%), dan paling sedikit adalah bersendirian (0.99%). Seterusnya, bagi dimensi menyalahkan diri, majoriti responden yang terlibat banyak menghabiskan masa bersendirian (18.58%), diikuti oleh responden yang menghabiskan masa bersama keluarga (12.31%), rakan (10.42%), dan lain-lain (8.33%). Bagi dimensi tidak berdaya, majoriti responden yang terlibat banyak menghabiskan masa bersendirian juga (13.16%), diikuti oleh responden yang menghabiskan masa bersama selain keluarga,


rakan, atau bersendirian (8.33%), rakan (6.66%), dan keluarga (6.61%). Manakala, bagi dimensi tiada harapan, majoriti responden yang terlibat banyak menghabiskan masa bersendirian juga (6.91%), diikuti oleh responden yang menghabiskan masa bersama keluarga (4.86%), dan rakan (2.63%). Sementara, bagi selain keluarga, rakan, atau bersendirian, tidak melibatkan walau seorang responden (0%). Akhir sekali, bagi dimensi memikirkan sesuatu yang berbahaya, majoriti responden yang terlibat banyak menghabiskan masa bersendirian (27.80%), diikuti oleh responden yang menghabiskan masa bersama selain keluarga, rakan, atau bersendirian (20.30%), keluarga (12.66%), dan rakan (10.62%).

Rajah 4.6: Peratus Kekerapan Penglibatan Belia dalam Tingkah Laku Devian Mengikut Banyak Menghabiskan Masa Bersama Siapa




Rajah 4.7 menunjukkan peratus kekerapan penglibatan belia dalam tingkah laku devian mengikut tinggal bersama siapa. Dapat diperhatikan bahawa secara keseluruhannya, majoriti responden yang terlibat dalam tingkah laku devian tinggal bersama keluarga (9.43%), diikuti oleh responden yang tinggal bersama rakan (5%), dan paling sedikit adalah yang tinggal bersendirian (3.89%). Selain itu, bagi dimensi kritik diri, majoriti responden yang terlibat tinggal bersama keluarga (9.79%), diikuti oleh responden yang tinggal bersendirian (4.17%), dan responden yang tinggal bersama rakan (2.24%). Seterusnya, bagi dimensi menyalahkan diri, majoriti responden yang terlibat tinggal bersama keluarga juga (11.75%), diikuti oleh responden yang tinggal bersendirian (6.94%), dan paling sedikit tinggal bersama rakan (4.48%). Bagi dimensi tidak berdaya pula, majoriti responden yang terlibat tinggal bersama keluarga (7.32%), diikuti oleh responden yang tinggal bersama rakan (2.24%), sementara tiada responden yang tinggal bersendirian (0%). Manakala, bagi dimensi tiada harapan, majoriti responden yang terlibat tinggal bersama keluarga (4.59%), diikuti oleh responden yang tinggal bersendirian (2.78%), dan responden yang tinggal bersama rakan (2.43%). Akhir sekali, bagi dimensi memikirkan sesuatu yang berbahaya, majoriti responden yang terlibat tinggal bersama keluarga (13.71%), diikuti oleh responden yang tinggal bersama rakan (13.62%), dan paling sedikit terlibat adalah yang tinggal bersendirian (5.56%)

Rajah 4.7: Peratus Kekerapan Penglibatan Belia dalam Tingkah Laku Devian mengikut Tinggal Bersama Siapa



Berdasarkan Rajah 4.8, secara keseluruhannya, majoriti responden yang terlibat dengan tingkah laku devian adalah berpendidikan taraf SPM (11.96%), diikuti oleh responden yang berpendidikan taraf diploma (7.23%), STPM (6.69%), dan ijazah (4.38%). Jika diteliti, bagi dimensi kritik diri, majoriti responden yang terlibat adalah berpendidikan taraf SPM (11.73%), diikuti oleh responden yang berpendidikan taraf STPM (8.08%), diploma (7.24%), dan ijazah (3.74%). Bagi dimensi menyalahkan diri, majoriti responden yang terlibat adalah berpendidikan taraf SPM (16.63%), diikuti oleh responden yang berpendidikan taraf diploma (10.16%), STPM (9.07%), dan responden yang berpendidikan taraf ijazah (4.70%). Dari segi dimensi tidak berdaya pula, majoriti responden yang terlibat adalah berpendidikan taraf SPM (9.71%), diikuti oleh responden yang berpendidikan taraf diploma (5.58%), STPM (3.06%), dan ijazah (0.88%). Bagi dimensi tiada harapan pula, majoriti responden yang terlibat adalah berpendidikan taraf SPM juga (6.24%), diikuti oleh responden yang berpendidikan taraf diploma (3.64%), ijazah (0.95%), dan STPM (0.73%). Akhir sekali, bagi dimensi memikirkan sesuatu yang berbahaya, majoriti responden yang terlibat adalah berpendidikan taraf SPM (15.50%), diikuti oleh responden yang berpendidikan taraf STPM (12.50%), ijazah (11.70%), dan diploma (9.53%).

Rajah 4.8: Peratus Kekerapan Penglibatan Belia dalam Tingkah Laku Devian mengikut Taraf Pendidikan




Jadual 4.3 menunjukkan bahawa secara keseluruhannya, kefungsiian keluarga berada pada tahap sederhana (Min = 3.39; SD = .468). Sementara dimensi kohesi pula berada pada tahap tinggi (Min = 3.78; SD = .517) dan dimensi kebolehsuaian (Min = 3.01; .548) pula berada pada tahap sederhana.

Jadual 4.3: Tahap Kefungsiian Keluarga Belia

	Min	SD
Kohesi	3.78	.517
Kebolehsuaian	3.01	.548
Kefungsiian Keluarga	3.39	.468


Rajah 4.9 menunjukkan secara keseluruhannya, majoriti responden yang banyak menghabiskan masa bersama selain keluarga, rakan, atau bersendirian mempunyai kekerapan kefungsiian keluarga yang paling tinggi (70%), diikuti oleh responden yang banyak menghabiskan masa bersendirian (55.86%), bersama keluarga (53.28%), dan paling rendah nilai kekerapan kefungsiian keluarga adalah bagi responden yang banyak menghabiskan masa bersama rakan (31.82%).

Rajah 4.9: Perbandingan Peratus Persepsi Belia berdasarkan Faktor Banyak Menghabiskan Masa Bersama Siapa terhadap Kekerapan Kefungsiian Keluarga



Rajah 4.10 pula menunjukkan peratus persepsi belia berdasarkan faktor tinggal bersama siapa terhadap kekerapan kefungsiian keluarga. Secara keseluruhannya, dapat diperhatikan bahawa majoriti responden yang tinggal bersendirian mempunyai kekerapan kefungsiian keluarga yang paling tinggi (57.78%), diikuti oleh responden yang tinggal bersama keluarga (52.92%), dan paling rendah nilai kekerapan kefungsiian keluarga adalah bagi responden yang tinggal bersama rakan (37.69%). Manakala, bagi dimensi kohesi pula, dapat dilihat bahawa majoriti responden yang tinggal bersendirian mempunyai kohesi yang paling tinggi (77.78%), diikuti oleh responden yang tinggal bersama keluarga (67.93%), dan paling rendah kekerapan kohesi adalah bagi responden yang tinggal bersama rakan (65.82%). Bagi dimensi kebolehsuaian pula, dapat diperhatikan bahawa majoriti responden yang tinggal bersama keluarga mempunyai kekerapan kebolehsuaian yang paling tinggi (37.89%), diikuti oleh responden yang tinggal bersendirian (37.78%), dan paling rendah nilai kekerapan kebolehsuaian adalah bagi responden yang tinggal bersama rakan (9.55%).

Rajah 4.10: Perbandingan Peratus Persepsi Belia berdasarkan Faktor Tinggal Bersama Siapa terhadap Kekerapan Kefungsiian Keluarga



Secara umumnya, keputusan ujian korelasi dalam Jadual 4.4 mendapati wujud hubungan yang signifikan dan negatif di antara kefungsiian keluarga dengan kekerapan tingkah laku devian ($r = -.141$; $p < .05$). Selain itu, dapatan juga menunjukkan bahawa dimensi kohesi turut menunjukkan hubungan yang signifikan dan kukuh dengan tingkah laku devian dalam kalangan belia yang menuntut di IKBN seluruh Malaysia ($r = -.219$; $p < .05$). Manakala, dimensi kebolehsuaian tidak menunjukkan hubungan yang signifikan dengan tingkah laku devian secara umumnya ($r = -.034$; $p > .05$).

Jadual 4.4: Korelasi antara Kefungsiian keluarga dengan Tingkah Laku Devian

		Kohesi	Keboleh-suaian	Kefungsiian Keluarga	Tingkah Laku Devian
Kohesi	Pearson Correlation	1	.542**	.871**	-.219**
	Sig. (2-tailed)		.000	.000	.000
Kebolehsuaian	Pearson Correlation	.542**	1	.885**	-.034
	Sig. (2-tailed)	.000		.000	.236
Kefungsiian Keluarga	Pearson Correlation	.871**	.885**	1	-.141**
	Sig. (2-tailed)	.000	.000	.000	
Tingkah Laku Devian	Pearson Correlation	-.219**	-.034	-.141**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	.236	.000	

**Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Hasil analisis regresi dalam Jadual 4.5 menunjukkan bahawa secara keseluruhannya, kefungsian keluarga memberi pengaruh yang signifikan kepada tingkah laku devian ($\beta = .141$, $p < .05$), sekaligus menjadikan kefungsian keluarga memberi pengaruh sebanyak 2% kepada varians tingkah laku devian. Dimensi kohesi turut memberi pengaruh yang signifikan kepada tingkah laku devian ($\beta = .219$, $p < .05$), sekaligus menjadikan kefungsian keluarga memberi pengaruh sebanyak 5% kepada varians tingkah laku devian. Manakala, dimensi kebolehsuaian juga memberi pengaruh yang signifikan kepada tingkah laku devian ($\beta = -.219$, $p < .05$) sekaligus menjadikan kefungsian keluarga memberi pengaruh sebanyak 6% kepada varians tingkah laku devian.

Jadual 4.5: Pengaruh Kefungsian keluarga terhadap Tingkah Laku Devian

Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate
1	.141a	.020	.019	.62988
2	.219b	.048	.047	.62084
3	.241c	.058	.056	.61781

- a. Predictors: (Constant) Kefungsian Keluarga
 b. Predictors: (Constant) Kohesi
 c. Predictors: (Constant) Kohesi, Kebolehsuaian
 d. Dependent Variable: Tingkah Laku Devian

PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

Perbincangan

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menyamai Indeks Belia Malaysia 2015 yang mendapati majoriti belia Malaysia mempunyai kesedaran yang jelas tentang tingkah laku yang bertentangan dengan norma masyarakat. Kajian ini juga telah mengenal pasti bahawa secara umumnya, belia di Malaysia berupaya mengawal diri daripada terjerumus kepada tingkah laku devian. Selain itu, hubungan belia dengan keluarga mereka juga secara umumnya dilihat berada pada tahap yang sangat memuaskan. Kajian ini juga secara tidak langsung telah menyokong dapatan Zainudin dan Norazmah (2011) yang mendapati bahawa faktor diri sendiri paling mempengaruhi belia terlibat dalam tingkah laku devian berbanding faktor lain. Walau bagaimanapun, pada teorinya, kawalan sosial atau kawalan diri merupakan satu ciri individu yang diterapkan sebagai benteng pada awal kehidupan belia dan ia diambil kira sebagai faktor keterlibatan tingkah laku devian (Teasdale & Silver, 2009). Aspek ini antara perkara yang wajar diberi perhatian dalam menangani isu tingkah laku devian ini selain daripada aspek kefungsian keluarga. Justeru keluarga harus berfungsi dengan sebaiknya dari peringkat awal. Hal ini kerana, semenjak kecil lagi, peristiwa yang diperlakukan oleh keluarga adalah merupakan sebahagian daripada proses sosialisasi. Di sini, wajar diteliti model Circumplex (Olson et al., 1984) dan Teori Learned Helplessness atau teori belajar tidak berdaya (Peterson & Seligman, 1984), dan Teori Hopelessness Depression (Abramson et al., 1989). Menurut Hoffman (1996), keluarga telah membentuk personaliti seseorang sejak kecil dan terus memberikan pengaruh yang amat besar kepada tingkah laku, sikap dan pemikiran seseorang dalam alam dewasa. Ini selari dengan dapatan kajian ini di mana kefungsian keluarga dilihat memberi pengaruh kepada tingkah laku devian, khususnya dari aspek kognitif. Ajaran Islam juga wajar diteliti, di mana ia menekankan amalan zuhud dalam kawalan diri anak sejak kecil dengan meneliti aspek kehidupan harian. Ia bukan semata-mata hubungan peribadi dengan Tuhan, malah mempunyai kesan pada hubungan sosial dalam menjaga adab dan tingkah laku (Ahmad Munawar Ismail, 2012; Sulaiman & Bhatti, 2013).

Cadangan

Pengkaji mencadangkan beberapa usaha yang wajar dilaksanakan bagi membantu golongan belia agar tidak terus terjebak dengan masalah tingkah laku devian ini. Antaranya adalah dengan:

- a) Menganjurkan pelbagai aktiviti dan program bermanfaat yang dapat menarik golongan belia untuk hidup secara sihat, di samping menjauhi tingkah laku devian. Misalnya, mengadakan aktiviti prososial seperti sukan dan kebudayaan serta memperbanyakkan pusat rekreasi dan sukan seperti futsal untuk orang awam di kawasan strategik di mana menjadi tumpuan belia;
- b) Pihak KBS boleh mengenal pasti kawasan yang menjadi tumpuan belia, khususnya belia yang bertingkah laku devian, seterusnya melaksanakan program *outreach* dalam usaha mendekatkan diri dengan belia, seterusnya memahami bentuk pemikiran dan tingkah laku mereka. Dengan cara ini, belia akan merasakan diri mereka lebih dihargai, dan tertarik untuk melibatkan diri dengan aktiviti yang dianjurkan dari semasa ke semasa;
- c) Perbincangan untuk penambahbaikan silibus kursus pra-perkahwinan dan kekeluargaan boleh dilakukan. Ini kerana kebanyakan individu yang menghadiri kursus ini adalah golongan belia yang masih belum memahami sepenuhnya bentuk cabaran serta tanggungjawab yang bakal digalas. Antara silibus yang boleh diteliti dan ditambah adalah seperti modul gaya keibubapaan dan modul komunikasi berkesan;
- d) Pihak Kementerian boleh mempertimbangkan sama ada perlu untuk memasukkan unsur-unsur kefungsian keluarga dalam silibus Pendidikan Agama dan Moral. Ini kerana didikan berkaitan kekeluargaan amat diperlukan sejak kecil bagi menggalakkan perhubungan yang baik antara ahli keluarga;
- e) Penambahbaikan silibus pendidikan guru atau pensyarah juga perlu ke arah memantapkan *soft skill* belia. Ini penting sebagai persediaan dan usaha bagi mencegah serta menangani masalah belia devian dewasa ini. Antara silibus yang boleh ditambahbaik adalah sosiologi devian, sosiologi jenayah, dan sosiologi penagihan;
- f) Kerajaan dan NGO juga boleh melaksanakan kempen nilai murni dan nilai agama melalui media massa seperti televisyen dan radio. Nilai-nilai ini perlu ditekankan sejak kecil kerana belia yang bijak belum tentu berakhlak. Dengan pembentukan nilai-nilai positif ini, belia akan lebih berupaya untuk membezakan antara tingkah laku yang baik dan buruk.

RUMUSAN

Kajian ini mendapati bahawa penglibatan belia Malaysia dalam tingkah laku devian berada pada tahap rendah. Sementara, kefungsian keluarga berada pada tahap sederhana, namun tinggi pada tahap kohesi dan sederhana pada tahap kebolehsuaian. Peratus tertinggi penglibatan belia dalam tingkah laku devian adalah dalam kalangan belia yang tinggal bersama keluarga dan belia yang banyak meluangkan masa bersendirian. Dapatan juga menunjukkan hubungan negatif antara kefungsian keluarga dengan tingkah laku devian. Turut dapat dilihat bahawa kefungsian keluarga memberi pengaruh yang rendah terhadap penglibatan belia dalam tingkah laku devian. Oleh itu, semua pihak harus bekerjasama dalam melaksanakan cadangan yang telah disarankan bagi membantu melahirkan belia yang produktif.

RUJUKAN

- Abramson, L.Y., G.I. Metalsky & L.B. Alloy. 1989. Hopelessness depression: a theory sub type of depression. *Psychological Review*, 96(2), 358-372.
- Ahmad Munawar Ismail. 2012. Aqidah as a basis of social tolerance: The Malaysian experience. *International Journal of Islamic Thought*, Vol. 1, 1-7.
- Anastasia, A. & Urbina, S. 1997. *Tes Psikologi*, Edisi Bahasa Indonesia. Jakarta: PT. Prenhalindo.
- Amoateng and Richter. 2007. Chapter 1: Social and economic of families and households in South Africa. In. A.Y. Amoateng, & T.B. Heaton (Eds.). *Families and households in post-apartheid South Africa: Socio-demographic perspectives* (pp.1-25). Cape Town: HSRC Press.
- Azaman Ahmad. 2003. Hubungan keluarga dengan konsep sendiri dan risiko kepada penagihan semula dadah di kalangan penagih dadah remaja. Tesis Sarjana Sains yang tidak diterbitkan, Bangi: UKM.
- Azizah Mat Rashid, Nor 'Adha Abdul Hamid, & Norul Huda Bakar. 2015. Krisis akhlak: Penguatkuasaan undang-undang sebagai benteng menanganinya. *E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 2(1), 1-18.
- Barnett, M. 2004. A qualitative analysis of family support and interaction among African American college students at an Ivy League University. *The Journal of Negro Education*, 73(1), 53-68.
- Badrulzaman Baharom & Azizi Yahya. 2006. Persekitaran keluarga dan kesannya terhadap tingkah laku devian remaja di Daerah Pontian, Johor. UTM: Fakulti Pendidikan
- Brian Abraham Rogi. 2015. Peranan komunikasi keluarga dalam menanggulangi kenakalan remaja di Kelurahan Tataaran 1 Kecamatan Tondano Selatan. *E-Journal Acta Diuma*, 4(4), 1-8.
- Briere, J. 2000. *The Cognitive Distortions Scales professional manual*. Odessa, FL: Psychological Assessment Resources.
- Fauziah, I., A. Khadijah, M. A. Noremy, N. Samon, & Z. M. Lukman. 2012. The role of family towards current adolescence challenges: Drug prevention and living without drugs. *The Social Sciences*, 7, 341-345.
- Hall, W., Degenhardt, L. & Lynskey, M. 2001. The health and psychological effects of cannabis use (chap. 12). Canberra: Commonwealth of Australia.
- Hoffman, J.P. 1996. A national portrait of family structure and adolescent drug use. *Journal of Marriage and the Family*, 60(3), 633-645.
- Hejrati, M. & Parsamehr, F. 2015. The correlation between family functioning and the students' competence in exceptional talents junior high school. *Indian Journal of Fundamental and Applied Life Science*, 5, 292-296.
- Indeks Belia Malaysia. 2015. *Mengukur Kesejahteraan Hidup Belia Malaysia*. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES).
- Johnson, B. & Christensen, L. 2005. *Educational research: Quantitative, qualitative, and mixed approaches* (2nd edition). Boston, MA: Pearson Education Inc.

- Jamie, M.B. 2011. Psychological factors associated with bullying typologies in a mental health population of adolescents. Philadelphia College of Osteopathic Medicine Dissertation, Bolton.
- Leahy, R.L. 1996. Cognitive therapy: Basic principles and applications. USA: Jason Aronson Publishing Co.
- Mitchell, M. & Jolley, J. 2004. Research design explained. 5th Ed. New York: Thompson Learning.
- Olson, D.H. 1993. Circumplex Model of Marital and Family Systems. In F. Wals (Ed.), Normal Family Processes. (2nd Ed.). New York: Guilford Press.
- Olson, D.H., Russel, & Sprenkle, D.H. 1984. Circumplex Model of marital and family systems: VI. Teheoretical update. In: D.H. Olson and P.M. Miller, eds. Family Studies Review Yearbook. Volume 2. New Delhi: Sage Publications.
- Peterson, C. & Seligman, M.E.P. 1984. Causal explanations as a risk factor for depression: Theory and evidence. *Psychological Review*, 91, 347–374.
- Regoli, R.M. dan Hewitt, J.D. 1991. Delinquency in society. 4th Edition. New York: McGraw Hill.
- Rohany Nasir, Zainal Ahmad Zamani, Rozainee Khairuddin and Rokiah Ismail, Fatimah Yusoff, & Z.M. Lukman. 2011. Psychological factors of self-esteem and cognitive distortion in prostitution. *World Applied Sciences Journal*, 12 (Special Issue of Social and Psychological Sciences for Human Development), 35-39.
- Samsiah Mohd Jais, Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip, & Noraini Ismail. 2015. Kesan modul latihan kaunseling kesihatan mental dan trauma terhadap kecekapan amalan kaunseling dalam kalangan kaunselor di Malaysia: UPSI. *Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia*.
- Sham Sani Salleh. 1994. Latar belakang keluarga, perhubungan ibu bapa dengan remaja dan konsep sendiri remaja delinkuen dan bukan delinkuen. Tesis Sarjana Muda. Universiti Pertanian Malaysia.
- Sulaiman, M. & Bhatti, O.K. 2013. Workplace deviance and spirituality in Muslim organizations. *Asian Social Science*, 9(10), 237-246.
- Teasdale, B. & Silver, E. 2009. Neighborhoods and self-control: Toward an expanded view of socialization. *Social Problems*, 56(1), 205-22.
- Zainah Ahmad Zamani, Rohany Nasir, Asmawati Desa, Rozainee Khairudin, Fatimah Yusoooff & Siti Hajar Mohamad Yusoff. 2013. Kefungsian keluarga, pengherotan kognitif dan resilien dalam kalangan klien Cure and Care Rehabilitation Centre (CCRC) dan Klinik Cure and Care (C&C). *Jurnal Psikologi Malaysia*, 27, 137-149.
- Zainudin & Norazmah. 2011. Faktor-Faktor yang mempengaruhi remaja terlibat dalam masalah sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. *Journal of Education Psychology & Counseling*, 35, 15-27.